

27/09/1997

Dr Mahathir, Castro bincang kerjasama

HAVANA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memulakan lawatan rasminya ke negara ini, hari ini mengadakan perbincangan empat mata dengan Presiden Fidel Castro.

Perdana Menteri yang tiba di sini petang semalam untuk lawatan tiga hari, sebelum itu diberi sambutan rasmi di Plaza de la Revolucion.

Lawatan pertama Perdana Menteri Malaysia ke negara sosialis dengan 12 juta penduduk itu, adalah sebahagian daripada usaha Malaysia menggalakkan kerjasama Selatan-Selatan serta mencari peluang pelaburan dan perdagangan dalam pasaran baru.

Turut serta dalam rombongan Dr Mahathir ialah Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa dan beberapa Menteri Besar dan menteri negeri dari Sabah dan Sarawak.

Pada hari ini juga, mesyuarat delegasi penuh dilangsungkan selepas pertemuan Dr Mahathir dengan Castro. Kemudian akan berlangsung pula majlis menandatangani tiga perjanjian mengenai penghapusan visa, galakan perdagangan dan perlindungan pelaburan timbal balas.

Pegawai Malaysia berkata, penandatanganan perjanjian itu melambangkan satu peringkat baru hubungan Malaysia-Cuba dengan peluang perdagangan dan pelaburan dijangka menyusul yang diterokai sektor swasta.

Selain itu, mengiringi Perdana Menteri ialah rombongan 70 anggota ahli perniagaan yang mewakili pelbagai industri pengeluaran, perkapalan dan perkhidmatan termasuk syarikat terkemuka seperti MEC (Malaysia Electric Corporation), YTL Corporation, DRB-Hicom dan Business Focus.

Kerajaan Cuba melaksanakan beberapa pembaharuan sejak beberapa tahun ini berikutan ekonominya merosot kerana penarikan bantuan Soviet dan mengambil langkah meliberalkan pasaran pertanian.

Sejak 1995, ekonominya semakin baik dengan pendapatan eksport meningkat 20 peratus kepada AS\$1.6 bilion dan import sebanyak 24 peratus kepada AS\$2.4 bilion.

Cuba mempunyai beberapa industri pengeluaran tekstil dan kimia, sementara sektor komoditinya mengeluarkan tembakau (untuk cerut terkenal Havana), gula dan kopi. Negara kepulauan Caribbean ini dengan keluasan 110,000 kilometer persegi, juga mempunyai sumber galian, terutama nikel.

Program padat Dr Mahathir termasuk lawatan ke resort pelancongan Varadero, projek pangkalan kapal Darsena, kira-kira 30 minit penerbangan dari sini, esok.

Sekembalinya ke Havana, beliau akan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Dewan Perdagangan Cuba.

Perdana Menteri akan berlepas ke Santiago, Chile pada Ahad ini untuk lawatan tiga hari bagi menghadiri mesyuarat Majlis Kerjasama Ekonomi Pasifik ke-12 (PECC).

Beliau akan berlepas ke Uruguay selepas itu bagi lawatan dua hari, diikuti lawatan kerja tiga hari ke Argentina sebelum pulang ke tanah air pada 5 Oktober.

(END)